

DBKL ubah suai pejabat jadi surau bergerak

Kuala Lumpur: Pengunjung program luar di sekitar ibu negara kini lebih mudah menunaikan solat menerusi inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mengubah suai satu unit pejabat bergeraknya sebagai surau bergerak.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, surau bergerak menggunakan lori seberat 10 tan itu dilengkapi dengan penghawa din-

gin serta tempat wuduk dengan kapasiti tangki air 900 liter yang mampu menampung keperluan 600 jemaah.

“Pada satu-satu masa, surau bergerak ini boleh memuatkan 10 jemaah lelaki dan wanita sementara 20 jemaah lelaki lagi bagi ruang solat di bahagian luar lori. Kemudahan ini bakal memberi manfaat kepada

pengunjung melibatkan program *ad hoc* seperti maraton dan sambutan Hari Kebangsaan.

“Surau bergerak ini boleh diparkir di kawasan tumpuan orang ramai seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang ditutup kepada ken-

deraan pada setiap hari Ahad,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancarannya di sini, semalam.

Pada majlis itu, turut dilancarkan kenderaan baharu bagi Skuad Penyelamat DBKL iaitu *Rapid Response Vehicle*

Surau bergerak DBKL boleh memuatkan 10 jemaah pada satu-satu masa

(RRV) yang dilengkapi peralatan kecemasan seperti mesin pemotong besi, gergaji dan pakaian anti lebah.

Ia akan digunakan untuk memberi bantuan kecemasan bencana alam apabila terdapat pokok tumbang atau objek yang menghalang laluan awam selain menangani masalah gangguan binatang liar dan ber-

bisa seperti ular, lebah dan tebuan.

“DBKL sudah ada persefahaman antara agensi penyelamat lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sekiranya melibatkan ancaman haiwan berbisa dan tidak melibatkan nyawa, Skuad Penyelamat DBKL akan memberi bantuan segera,” katanya. - Bernama